

Sorotan Literatur Punca Perceraian Awal Perkahwinan di Malaysia

BITARA

Volume 6, Issue 4, 2023: 28-39
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 12 August 2023
Accepted: 22 August 2023
Published: 10 September 2023

[Literature Review's on the Causes of Early Marriage Divorce in Malaysia]

Mohd Fadli Sulaiman & Zaini Nasohah^{1*}

1 Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: p103833@siswa.ukm.edu.my; zbn@ukm.edu.my

*Corresponding Author: zbn@ukm.edu.my

Abstrak

Semua pasangan yang berkahwin inginkan sebuah rumahtangga yang bahagia dan harmoni. Jika diberi pilihan, sudah pasti tidak ada yang mahukan sebarang konflik dan masalah dalam hidup berkeluarga. Namun apakan daya sudah menjadi lumrah kehidupan berumahtangga yang sentiasa ada pasang surutnya. Begitulah fenomena yang terjadi dikalangan pasangan yang berada pada fasa awal perkahwinan. Belum pun mencecah lima tahun tempoh perkahwinan sudah wujud pelbagai konflik dalam rumah tangga. Memang konflik itu perkara biasa dalam kehidupan, cuma kegagalan mereka menanganinya yang menjadi persoalan. Kerana konflik yang wujud itu berpunca dari isu-isu picisan sahaja. Mereka tidak dapat menanggapinya dengan baik sehingga membawa kepada perceraian. Kajian ini bertujuan menganalisis sorotan literatur berkenaan punca yang menyumbang kepada perceraian pada fasa awal perkahwinan. Apakah punca-punca utama yang menyebabkan rumahtangga mereka goyang dan roboh dalam masa yang singkat. Metodologi yang diguna pakai dalam konteks pengumpulan data adalah melalui analisis dokumen terhadap bahan-bahan literatur. Penganalisan data dilakukan secara deskriptif dan dipersembahkan secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan punca perceraian awal perkahwinan ini kerana isu kegagalan melunaskan nafkah, masalah komunikasi seharian, masalah kewangan, campur tangan pihak ketiga dan juga berpunca dari sebab-sebab yang remeh temeh dan melucukan. Implikasi hasil kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh agensi yang menguruskan hal ehwal perkahwinan dan pembangunan keluarga di negara ini. Pendekatan dan inisiatif baharu perlu dirangka untuk membendung isu perceraian awal perkahwinan ini, demi kelangsungan hidup berkeluarga, keharmonian masyarakat dan mewujudkan negara yang sejahtera.

Kata kunci: Perceraian awal perkahwinan, punca, faktor perceraian, Malaysia.

Abstract

Every married couple desires a happy and harmonious household. Given the choice, no one would want any conflicts or issues in their family life. However, it is a natural occurrence in married life to experience ups and downs. Such is the phenomenon that happens among couples during the early phase of marriage. Even before reaching five years of marriage, various conflicts already exist within the household. Indeed, conflicts are a common occurrence in life; it is only their mishandling that becomes an issue. These conflicts often stem from trivial issues, and they cannot be dealt with effectively, leading to divorce. This study aims to analyze the literature on the causes contributing to early marriage dissolution. The main factors that cause these households to falter and collapse in a short period are investigated. The data collection methodology used in this context involves document analysis of relevant literature materials. Data analysis is conducted descriptively and presented thematically. The study findings indicate that the main causes of early marriage dissolution are failure to provide financial support, daily communication problems, financial issues, third-party interference, as well as trivial and laughable reasons. The implications of these research findings are

expected to be beneficial for agencies responsible for managing marriage and family development in the country. New approaches and initiatives need to be formulated to curb the issue of early marriage dissolution, for the sake of family continuity, societal harmony, and the creation of a prosperous nation.

Keywords: Early marriage divorce, causes, factors of divorce, Malaysia

Cite This Article:

Mohd Fadli Sulaiman & Zaini Nasohah. (2023). Sorotan Literatur Punca Perceraian Awal Perkahwinan di Malaysia [Literature Review's on the Causes of Early Marriage Divorce in Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(4): 28-39.

Pengenalan

Perkahwinan bukan sahaja untuk memenuhi tuntutan biologi semata-mata, tetapi lebih jauh daripada itu ialah untuk mencapai ketenangan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat (Al-Shaikh Khalid Abd. Rahman.1998: ms). Untuk mencapai tujuan tersebut, sudah pasti tidak semudah yang disangka. Setiap individu terutamanya ketua keluarga perlu mempunyai persiapan ilmu asas dalam Agama dan ilmu kemahiran keibubapaan yang mantap. Dengan kata lain, tidak boleh memasuki gerbang perkahwinan dengan jiwa yang kosong tanpa sebarang persediaan yang rapi.

Hidup berumahtangga penuh dengan pahit manis dan ada geloranya yang tersendiri. Tidak selamanya tenang dan tidak juga sepanjang masa bergelora. Ada yang diuji dengan kesenangan dan juga yang uji dengan kesusahan. Semua cabaran itu sebenarnya untuk menilai kesetiaan dan kasih sayang sejati sebagai suami dan isteri. Selepas melalui semua itu, baharulah nikmat kebahagiaan hidup berumahtangga akan dapat dikecapi. Apabila kita mulai matang dan bijak dalam menangani sebarang situasi dalam kehidupan berumahtangga.

Semua pasangan yang berkahwin mahukan sebuah rumah tangga yang bahagia. Masing-masing mengidamkan sebuah keluarga yang dikurniakan *sakinah*, *mawadah* dan *rahmah* sepanjang masa. Tidak ada pasangan yang mahukan konflik wujud walaupun sedetik dalam perkongsian hidup ini. Kerana konflik itu sesuatu yang memeritkan. Apatah lagi perang dingin yang berpanjangan sehingga membawa kepada perceraian. Lebih-lebih lagi pada peringkat awal perkahwinan. Kerana itu pentingnya sesebuah rumahtangga yang dibina perlu mendapat tiga komponen kebahagiaan tadi. Seperti dijelaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran;

Dan diantara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatnya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya diantara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. (Surah ar Rum 30 : 21)

Konsep *sakinah*, *mawadah* dan *rahmah* merupakan hubungan kejiwaan yang wujud dari fitrah manusia. Prinsip *sakinah* lebih menjurus ke arah ketenangan, keamanan dari sebarang

konflik sama ada dalam bentuk fizikal, minda dan psikologi. Konsep *mawadah* pula lebih menekankan perasaan kasih sayang, mencintai dan ingin hidup bersama. Istilah *rahmah* lebih kepada rasa ihsan dan saling memerlukan antara satu sama lain. (Natasha Nasir dan Zainab Ismail, 2016).

Persoalannya, kenapakah mutakhir ini isu kekeluargaan di negara ini semakin diperbincangkan. Soal keruntuhan institusi keluarga yang tidak dapat bertahan lama dan pelbagai kes yang tidak sihat berlaku dalam keluarga. Sudah pasti semua ini akan memberi kesan kepada anak-anak dan juga masyarakat sekitar. Sebagai contoh, sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terdapat 9015 kes aduan keganasan rumahtangga. Pada satu ketika negara dikejutkan dengan satu tragedi, seorang suami sanggup memotong anggota tubuh isterinya kepada 8 bahagian. Pembunuhan kejam ini berpunca dari luapan masalah rumah tangga yang tidak dapat diselesaikan dengan baik (Berita Harian 15 Oktober 2019).

Kes ini menjadi bukti kukuh bahawa masalah rumah tangga ini jika tidak ditangani dengan baik akan membawa pelbagai kesan buruk dalam kehidupan manusia. Kerana itu, salah satu petunjuk untuk mengukur tahap kebahagiaan hidup ialah apabila rendahnya kadar perceraian. Kerana lazimnya perceraian ini terjadi akibat dari krisis yang wujud secara berpanjangan dan tidak dapat diselesaikan dengan baik. Suatu yang menakutkan apabila sepanjang tempoh pandemik Covid-19 bermula bulan Mac tahun 2020 hingga bulan Ogos tahun 2021 terdapat sebanyak 66,440 kes perceraian telah didaftarkan (Berita Harian 16 September 2021). Ini menggambarkan tahap kesihatan dan keadaan sebenar hidup berkeluarga dalam negara kita.

Berdasarkan rekod, Selangor mencatatkan daftar permohonan cerai tertinggi dengan 12,479 kes, diikuti Johor (7,558), Kedah (5,985), Kelantan (5,982), Perak (5,921), Terengganu (5,098), Pahang (5,058), Sabah (4,010), Wilayah Persekutuan (3,854), Negeri Sembilan (3,473), Pulau Pinang (2,978), Perlis (1,081) dan Sarawak (561). Walaupun data ini mendedahkan permohonan cerai sahaja, tetapi lazimnya akan berakhir dengan perceraian sebenar (Berita Harian 12 Oktober 2021).

Dalam konteks Malaysia, peningkatan kadar perceraian ini begitu ketara berlaku seawal tahun 90-an (Maisaroh. 2018). Mutakhir ini pula kadar perceraian begitu ketara dikalangan pasangan yang baharu melangsungkan perkahwinan. Belum melepasi tempoh lima tahun, sudah berantakkan dan mengambil keputusan untuk berpisah. Dalam bahasan kajian ini disebut sebagai perceraian pada fasa awal perkahwinan. Pada peringkat ini sepatutnya mereka hidup bahagia menikmati hidup berumahtangga. Bukannya tewas dengan ujian yang kecil dan bersifat asas sahaja.

Tidak sepatutnya rumahtangga mereka musnah kerana gangguan isu picisan dalam hidup seharian. Seinggakan ada dikalangan mereka mengambil jalan singkat untuk berpisah. Di manakah nilai keutuhan cinta dan kasih sayang yang dibina selama ini? Sepatutnya pada fasa bulan madu, mereka tidak mudah goyah dan gopoh dalam mendepani sesuatu isu rumahtangga. Pasti ada sesuatu yang tidak kena dalam kehidupan berumahtangga mereka.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kajian kepustakaan dengan menganalisis dokumen-dokumen berkaitan yang terdiri daripada artikel-artikel dan jurnal-jurnal yang berkaitan dengan kajian mengenai perceraian pada fasa awal perkahwinan. Kajian juga berdasarkan kepada sorotan literatur mengenai faktor-faktor atau punca yang menyebabkan terjadinya perceraian pada fasa awal perkahwinan. Berdasarkan kepada metodologi ini, pengkaji dapat mengumpul dan menganalisis kajian-kajian lepas berkaitan punca-punca yang menyebabkan berlakunya perceraian pada peringkat awal perkahwinan.

Perceraian Awal Perkahwinan

Perceraian awal perkahwinan merujuk kepada perceraian atau pembubaran perkahwinan yang berlaku pada fasa awal perkahwinan. Dalam kajian ini fasa awal perkahwinan yang ditetapkan ialah tempoh 0 hingga 5 tahun pertama usia perkahwinan. Penetapan ini berdasarkan kepada pembahagian fasa dalam perkahwinan seperti yang digariskan dalam Modul Kursus Pasca Perkahwinan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagaimana berikut (Modul bersepadu Kursus Pasca Perkahwinan JAKIM 2018;

1. Fasa Bulan Madu (0 hingga 5 tahun)
2. Fasa Sehati Sejiwa (6 hingga 10 tahun)
3. Fasa Semarak Kasih (11 hingga 20 tahun)
4. Fasa Syurga Cinta (21 tahun dan ke atas)

Fasa awal perkahwinan (0-5 tahun) disebut sebagai fasa bulan madu. Kerana pada tempoh ini mereka sedang meniti hari-hari indah dan manis dalam kehidupan. Belum banyak liku-liku hidup sebagai suami isteri yang dilaluinya. Pahit manis hidup sebungung belum dirasakan sepenuhnya lagi. Ibarat sebuah kapal, mereka ini masih berada di tepian samudera. Belum lagi berada di tengah lautan luas yang bergelora. Kerana itu, sepatutnya pada fasa ini tidak ada lagi konflik yang serius, sehingga boleh menyebabkan keruntuhan rumah tangga.

Walaupun begitu, proses mengenali hati budi pasangan ini sangat mencabar. Pelbagai pengalaman baharu akan diperolehi. Perbezaan karakter dan sudut pandang melihat masalah menjadi penentu keserasian hidup. Jika mereka cepat memahami dan cepat belajar dari kesilapan yang dilakukan, hayat rumah tangga itu akan kekal lama. Jika tidak, istana yang dibina akan hancur di tengah jalan. Pasangan yang tidak bertolak ansur, mempunyai ego yang tinggi, sukar untuk dibawa berbincang dan tidak mahu menerima kelemahan, sudah pasti berpotensi untuk hidup bersama sekerat jalan sahaja.

Pada tahap ini, mereka masih belum matang dan cepat menggelabah ketika membuat keputusan penting. Banyak berdasarkan luapan emosi kemarahan sahaja. Sedangkan setiap ujian itu memerlukan jiwa yang kental untuk menghadapinya (Siti Marziah 2018). Jika mereka lemah, isu-isu picisan tadi akan memusnahkan keharmonian hidup suami isteri. Sebagai contoh, salah faham dalam komunikasi seharian adalah perkara biasa. Apa yang penting ialah mereka

perlu memperbetulkan segala kekeliruan yang timbul dan tidak mengulangnya lagi. Jika tidak, isu ini akan menjadi masalah besar di kemudian hari. Begitu juga dengan hal perbezaan minat, selera makan, hobi dan sebagainya. Perlu diuruskan dengan sebaiknya.

Berfikir secara matang ini sangat penting. Penemuan kajian majalah *Psychology Today* mendapati mereka yang berkahwin sebelum usia 28 tahun lebih terdedah kepada perceraian. Faktor utamanya kerana ketidakmatangan dan tidak mempunyai persediaan keilmuan dan pendedahan yang cukup. Oleh kerana itu, pasangan muda ini perlu diwajibkan untuk menghadiri kursus pra perkahwinan sekurang-kurangnya setahun sebelum melangsungkan akad nikah. Ini sebagai satu langkah persediaan untuk memberi pendedahan awal mengenai realiti hidup berumah tangga (*Free Malaysia Today*)

Kepelbagaian Punca Perceraian Awal

Tidak dinafikan kajian mengenai isu perceraian telah banyak dibincangkan melalui pelbagai medium. Sama ada kajian ilmiah, seminar, forum dan sebagainya. Pelbagai tajuk kertas kajian telah dibuat mengenai punca perceraian dan jalan penyelesaiannya. Namun dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada kes perceraian yang berlaku pada fasa awal perkahwinan sahaja. Dengan kata lain, kajian ini melibatkan kes-kes perceraian yang berlaku dikalangan pasangan yang baharu mendirikan rumahtangga dalam tempoh antara 0 hingga 5 tahun sahaja. Parlimen Malaysia pernah memaklumkan mengenai punca perceraian pada fasa awal perkahwinan. Setelah diteliti sekali imbas, kelihatannya amat lucu dan sukar untuk dipercayai. Hanya kerana perkara sebegitu boleh membawa kepada perceraian. Tetapi itulah realitinya yang terpaksa diterima oleh rakyat Malaysia. Antara sebabnya ialah kerana sikap isteri yang suka mengikuti rombongan makan angin, suami tidak pandai melakukan hubungan seks, tidur berdengkur, sikap suami yang sangat mencurigai isteri, lewat bangun tidur, terlalu cerewet dalam banyak keadaan, isteri suka membasuh baju pada waktu malam, suami kedekut, berebut rancangan televisyen dan sebagainya (*Utusan Malaysia* 4/11/18).

Pada tahun 2021 yang lalu, Jabatan Perangkaan Malaysia mendedahkan jumlah perceraian tertinggi mengikut kumpulan umur adalah antara 30 hingga 34 tahun. Dari segi tempoh usia perkahwinan pula, pasangan yang berkahwin dalam tempoh 5 tahun pertama paling dominan mengisi statistik perceraian. Alasan perceraian pula ialah kerana perkara-perkara remeh yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka. (Jabatan Perangkaan Malaysia 2021).

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) juga merekodkan terdapat 14,440 kes perceraian antara tahun 2013 hingga 2017 melibatkan pasangan yang baharu berkahwin dalam tempoh lima tahun ke bawah. Antara punca utama yang dikenal pasti ialah tiada persefahaman (56.2 peratus), isteri curang (11.8 peratus) dan campur tangan pihak ke tiga seperti mentua dan ipar duai (10 peratus).

Lebih menarik apabila pihak berkuasa Agama di negeri Terengganu pernah melaporkan 3 daripada 10 perkahwinan di negeri itu berakhir dengan perceraian. Kes berkenaan banyak melibatkan pasangan yang berkahwin dalam tempoh lima tahun pertama dan berusia di antara 25 hingga 30 tahun. Antara sebab yang dikenal pasti ialah pasangan tidak mendapat kepuasan seks yang sebenar dan tidak tahan dengan bau badan yang melampau dan masakan masin (*Astro Awani* 27 November 2019). Pernah juga didedahkan punca perceraian dikalangan pasangan

muda di negeri itu kerana suami tidak pernah membawa isteri bersiar-siar kerana kesempitan kewangan (Harian Metro 16 November 2022).

Pernyataan ini dikuatkan lagi dengan laporan kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) yang telah dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2014 menunjukkan lebih satu pertiga perkahwinan pertama yang berakhir dengan perceraian berlaku dalam tempoh kurang usia lima tahun perkahwinan (Laporan LPPKN 2016).

Pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga mendedahkan wujudnya risiko yang tinggi untuk berlaku perceraian pada usia perkahwinan 10 tahun dan ke bawah. Sebagai contoh, pada tahun 2007, sebanyak 32.2 peratus perceraian berlaku dikalangan pasangan yang berkahwin dalam tempoh lima tahun pertama. Diikuti dengan tempoh perkahwinan enam hingga 10 tahun iaitu sebanyak 27.7 peratus. Ini menunjukkan bahawa tempoh 10 tahun pertama perkahwinan sangat kritikal sehinggakan 59.9 peratus pasangan memilih jalan perceraian ketika berlakunya krisis (Abe Sophein et al 2014).

Menurut Abe Sohpien et al. (2014), antara fasa usia perkahwinan yang berisiko tinggi untuk bercerai ialah ketika usia perkahwinan antara 1 hingga 3 tahun. Kerana pada tahap ini mereka masih belum matang untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran hidup berumahtangga. Sebagai contoh, mereka masih kekok dalam pengurusan kewangan bila hidup berdua. Cepat berlaku salah faham bila berhadapan dengan krisis kewangan keluarga. Masing-masing saling curiga dan tidak ada keyakinan dalam menanganinya.

Begitu juga dalam membina hubungan yang baik dengan keluarga mentua dan ipar duai. Lazimnya pasangan baharu ini tidak mempunyai kemahiran dalam membina *rapport* untuk mewujudkan suasana harmoni antara semua pihak. Sebabnya mereka masih dalam proses belajar dan terpaksa melalui pelbagai pengalaman. Keadaan boleh bertambah buruk jika ada campur tangan pihak ketiga seperti ibu-bapa, saudara mara, sahabat handai dan sebagainya. Campur tangan dalam perkara yang tidak sepatutnya.

Tinjauan Literatur Mengenai Punca Perceraian Awal

Bermacam sebab dan punca yang membawa perceraian pada peringkat awal perkahwinan ini. Secara umumnya tidak jauh sangat berbeza dengan punca perceraian pada peringkat usia perkahwinan yang lain. Cuma ada sedikit sebanyak yang berlainan jika dilihat secara mendalam dan teliti.

1. Gangguan Media Sosial, seksualiti dan curang

Dalam satu kajian mengenai faktor- faktor Perceraian dalam Kalangan Pasangan Dewasa Awal di Bawah Usia Perkahwinan Lima Tahun, Norazzah Ab Rahim dan Abu Yazid Abu Bakar (2018) berpendapat antara punca yang menyebabkan berlakunya perceraian pada fasa awal perkahwinan ini ialah gangguan media sosial, tidak ada persefahaman, faktor seksualiti, kecurangan pasangan dan juga kedudukan kewangan yang tidak stabil.

Gangguan media sosial (MEDSOS) bermaksud peranti aplikasi maya itu telah mengambil tempat di hati pasangan. Terutamanya ketika berada di rumah. Mereka terlalu asyik

melayan status *facebook*, *Instagram*, *whatsapp* dan sebagainya sehingga terabai untuk berkomunikasi atau berbincang perihal keluarga. Ketagihan yang keterlaluan melayan media sosial telah menimbulkan pelbagai cerita dalam rumah tangga. Ada pasangan yang mula menjalinkan hubungan sulit dengan kekasih lama, mengabaikan tanggungjawab sebagai suami isteri dan sebagainya. Terlalu sibuk dengan perniagaan secara atas talian juga boleh menimbulkan kesan sampingan yang tidak sihat. Seheinggakan ada pasangan akan merasakan dirinya terabai dan tidak mendapat perhatian yang sewajarnya.

Perceraian yang berpunca daripada isu seksualiti juga tidak kurang hebatnya. Ada pasangan yang melihat perkara ini tidak penting dan tidak perlu dibincangkan sangat. Lama kelamaan kes isu ini akan melarat dan menimbulkan kesan kepada psikologi pasangan. Profesor Madya Dr. Rosediani Muhamad seorang pensyarah di Jabatan Perubatan Keluarga, Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP) Universiti Sains Malaysia (USM) menjelaskan bahawa masalah seksual seperti mati putik atau disfungsi seksual antara faktor penyumbang tertinggi kepada kes perceraian di Kelantan dan Selangor. Data menunjukkan tiga daripada 10 wanita yang mengalami masalah ini telah bercerai dengan pasangan masing-masing. Wanita yang mengalami masalah ini biasanya akan merasakan seks bukan menjadi keutamaan dalam kehidupan berumahtangga. Sedangkan kesihatan dan aktiviti seksual ini satu ibadah dan menjadi kunci kebahagiaan dan ketenangan dalam hidup berumahtangga.

Kebanyakan wanita mengambil jalan pintas untuk mengatasi masalah ini dengan mengambil produk berbentuk jus atau minuman bagi meningkatkan keintiman untuk melakukan hubungan seks. Perasaan malu yang menebal untuk berjumpa dengan pakar perubatan menyebabkan masalah ini bertambah parah dan menjejaskan hubungan indah antara suami isteri. Antara punca yang menyumbang kepada disfungsi seksual ini ialah kesibukan yang melampau dengan tugas, tekanan perasaan yang berpanjangan, proses kehidupan yang melelahkan seperti proses mengandung, melahirkan bayi, menyusu bayi, mengambil pil perancang dan mempunyai penyakit kronik seperti kanser. Oleh itu, perkara seksualiti ini tidak boleh dipandang sebelah mata oleh pasangan. Kerana elemen ini juga boleh menjadi penyebab kepada keruntuhan rumahtangga. (Berita Harian 14 April 2022).

Begitu juga isu perbuatan curang dikalangan pasangan. Bagi Dr. Robiah K. Hamzah, selaku Perunding Motivasi dan Kaunseling keluarga, curang antara punca yang menyebabkan berlakunya keretakan dalam hubungan suami isteri. Menurut beliau kecurangan dalam rumahtangga ini kebanyakannya berpunca daripada pihak suami. Berdasarkan kes kaunseling dalam rumahtangga yang dirujuk kepadanya sebanyak 8/10 kes perceraian berpunca daripada suami yang curang. Kecurangan ini mungkin berpunca daripada sifat buruk suami yang tidak pernah puas dengan layanan isterinya atau mungkin juga sifat dingin isteri ketika bersama.

Bagi Elizabeth Cohen seorang ahli psikologi Klinikal di New York berpendapat pasangan yang mahu bercerai ini biasanya dimulai oleh perasaan yang tidak yakin dan meragui pasangannya. Kesangsian ini timbul dari isu-isu tertentu dalam pengurusan rumahtangga. Seperti ketelusan dalam pengurusan kewangan, kejujuran dalam perhubungan dan masalah yang dipendam. Virus ketidakpercayaan kepada pasangan ini jika dibiarkan tanpa usaha pemulihan daripada suami dan isteri ia akan terus menghantui keharmonian dalam hidup berumah tangga dan akan membawa kepada perceraian. Oleh yang demikian sangat penting pasangan suami isteri ini mempunyai kemahiran pengurusan kewangan yang lebih telus.

2. Pengabaian tanggungjawab, berakhlak buruk dan lemah dalam komunikasi

Dalam kajian mengenai *Trend* dan Faktor Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor dari tahun 2011 hingga 2015, yang dijalankan oleh Mariam binti Abdul Majid et al. (2017) yang memfokuskan kepada faktor penyumbang kepada perceraian dalam tempoh tersebut mendapati usia perkahwinan antara 1 hingga lima tahun paling ramai terlibat dengan perceraian iaitu sebanyak 34.21 peratus. Julat umur tertinggi pula ialah antara 31 hingga 35 tahun.

Punca utama yang menyebabkan terlerainya ikatan perkahwinan ini ialah kerana pasangan yang tidak menunaikan tanggungjawab terhadap keluarga. Sebagai contoh, seorang suami tidak memberi nafkah dan tidak mahu bekerjasama dalam tugas seharian di rumah. Faktor kedua ialah masalah komunikasi harian dan diikuti dengan faktor pasangan yang tidak berakhlak mulia serta terlibat dalam penyalahgunaan dadah, seks rambang dan sebagainya.

Dalam hal menunaikan tanggungjawab ini biasanya lebih kepada kegagalan suami berperanan dengan sebaiknya dalam hal ini. Ada pasangan baharu ini masih belum faham mengenai tugas utamanya sebagai ketua keluarga yang bertanggungjawab untuk menunaikan nafkah makan minum, tempat tinggal, pakaian dan sebagainya. Apabila perkara asasi ini tidak dapat dipenuhi sudah pasti akan menimbulkan pelbagai kekalutan dalam rumahtangga. Masing-masing tidak akan puas hati dan kehidupan harian akan terjejas.

Pun begitu ramai juga di kalangan isteri yang tidak menghormati suami dan tidak menunjukkan ketaatan yang sepatutnya. Ini juga dikira sebagai tidak menunaikan tanggungjawab (Wijaya 2022) Ada yang tidak melaksanakan tanggung jawab asasi sebagai seorang isteri seperti menjaga perasaan dan pantang larang suami, melakukan kerja rumah seperti yang sepatutnya dan tidak memberi kepuasan maksimum dalam hubungan intim. Sedangkan elemen ini sangat penting dalam mewujudkan sebuah rumah tangga yang bahagia.

Mengenai salah faham dalam berkomunikasi harian ini lebih merujuk kepada kegagalan pasangan memahami apa maksud sebenar dalam setiap komunikasi dan juga kegagalan menggunakan Bahasa yang lebih lunak pada ketika yang sesuai. Atau boleh juga diertikan kegagalan pasangan yang tidak dapat menggunakan bahasa yang sesuai dalam percakapan seharian. Menyebabkan pasangan akan terguris dan sakit hati. Mereka mula mengungkit kelemahan pasangan dan merendahkan ahli keluarga. (Berita Harian 16 September 2021)

Inilah perkara yang sering menghantui pasangan baharu untuk mewujudkan persekitaran komunikasi yang harmoni. Bagi Siti Marziah et al. (2019) yang mengkaji mengenai Kualiti Perkahwinan Pada Fasa Pertama perkahwinan (1- 10 Tahun): Pengaruh gaya komunikasi dan penyesuaian hidup mendapati gaya komunikasi terbuka atau positif sangat mempengaruhi kualiti perkahwinan. Kadang-kadang mereka masih terbawa-bawa dengan gaya komunikasi sebelum berkahwin. Gaya komunikasi ketika itu lebih bersifat mengelak, menyalahkan, dan menghukum. Sukar bagi mereka menjadi pendengar yang baik, bertanya dan meminta kepastian.

Kelemahan dalam hubungan komunikasi boleh menjadi punca kepada perceraian. Dr. Shazli Ezzat Ghazali, seorang pensyarah kanan Program Psikologi Klinikal dan Kesihatan Tingkah Laku, Fakulti Sains Kesihatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berpendapat, ini terjadi kerana sukar untuk menyampaikan maksud sebenar kepada pasangan. Sekaligus ia akan menjadi penghalang dalam membina hubungan mesra. Sebagai contoh, mereka tidak dapat menerangkan dengan baik mengenai masalah yang dihadapi. Mereka suka memendam

berbanding meluahkan. Pasangan tidak mengamalkan budaya perbincangan yang sihat untuk mencari jalan penyelesaian dalam sesuatu kemelut yang timbul. Sebaliknya komunikasi yang baik akan menyumbang kepada kawalan psikologi dan ketenangan emosi dalam menghadapi sesuatu konflik.

Terdapat juga pasangan yang sering berpendapat dirinya tidak dihargai. Bermacam cara dibuat untuk menarik minat dan penghargaan daripada pasangannya, tetapi tetap tidak mendapat respons seperti yang diharapkan. Sebagai contoh, seorang isteri yang cuba untuk memberi layanan terbaik ketika di meja makan, di bilik tidur dan ketika berkomunikasi. Tetapi tidak mendapat sebarang maklum balas atau penghargaan daripada pasangan. Mereka mula kecewa dan putus asa kerana segala inisiatifnya itu semacam sia-sia. Justeru, respons atau tindak balas daripada pasangan sangat penting dalam hubungan komunikasi seharian.

Selain itu, mereka juga tidak cuba untuk merubah perangai buruk selepas bergelar suami atau isteri. Mereka terus menerus melakukan perkara terlarang atau akhlak buruk seperti terlibat dalam kancan penagihan dadah, menganggotai kumpulan jenayah, pemabuk dan sebagainya. Kesemua ini akan menyumbang kepada kekeruhan hidup berumahtangga jika tidak dibendung dengan sebaiknya.

Sepatutnya transisi kehidupan daripada seorang bujang kepada berstatus suami atau isteri orang perlu kepada perubahan minda dan fizikal. Mereka perlu ingat, kehidupan selepas berkahwin bukan lagi seperti zaman bercinta. Banyak tanggungjawab yang perlu dilunaskan selepas bergelar suami. Perlu jaga perasaan pasangan dan sentiasa memikirkan cara terbaik saling membantu untuk meringankan beban tugas seharian. Apatah lagi jika pasangan ini sudah mempunyai anak. Banyak perkara yang perlu diubah bermula dengan gaya berfikir dan bertindak mestilah secara matang. Jika perubahan tidak dilakukan, pelbagai masalah akan timbul dalam hidup seharian.

3. Lemah pegangan Agama

Mohamad et al (2021) dalam kajiannya mengenai kes perceraian yang berlaku berdasarkan julat usia di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati empat punca utama yang membawa kepada perceraian awal. Dalam banyak-banyak sebab itu, rapuh atau lemah pegangan Agama menjadi faktor utama yang membawa kepada perceraian. Mereka tidak memahami dan menghayati nilai hidup beragama yang sebenarnya. Penguasaan terhadap ilmu-ilmu asas fardu ain sangat lemah. Apatah lagi mengenai ilmu-ilmu kekeluargaan Islam yang lain. Jika ini berlaku, bagaimana mereka mahu mengamalkan cara hidup berkeluarga mengikut Sunnah Nabi SAW.

Pasangan Muslim, tetapi tidak mempraktikkan cara hidup sebagai seorang Islam yang sebenar. Mereka naif dalam menghayati hidup beragama. Kesannya, mereka tidak merasa bersalah atau berdosa jika tidak menunaikan tanggungjawab sebagai seorang suami atau isteri. Seperti tidak menunaikan nafkah dan tidak menjaga perasaan pasangan. Bagi mereka semua itu tidak penting dan tidak rasa berdosa jika tidak melakukannya. Sebab nilai beragama dalam diri mereka sangat lemah. Kajian ini mendapati golongan yang berumur antara 26 hingga 35 tahun merupakan pasangan yang paling terdedah kepada perceraian.

4. Kelemahan Pengurusan Kewangan

Syed Yassin et al (2018) isu kelemahan pengurusan kewangan keluarga juga menyebabkan timbulnya konflik yang besar dalam rumahtangga. Sama ada diakibatkan oleh sumber kewangan yang terhad atau pun gagal mengurus atau mengatur keutamaan dalam berbelanja. Ada pasangan yang suka kepada gaya hidup mewah di luar kemampuannya. Sedangkan kedudukan kewangannya tidak semewah itu. Akhirnya mereka terperangkap dengan bebanan kewangan yang diciptakannya sendiri. Untuk kelihatan mewah, mereka sanggup berhutang keliling pinggang semata-mata ingin berlumba dengan kawan-kawan. Akhirnya beban hutang itu tidak dapat lagi ditanggung dengan perolehan pendapatan yang kecil.

Mulalah mencari punca pendapatan yang salah seperti terlibat dengan rasuah dan salah guna kuasa di tempat kerja. Bila tekanan kewangan berlaku mereka akan saling menyalahkan antara satu sama lain. Mereka terpaksa berhutang sama ada dengan pihak kewangan berlesen atau pun ceti haram seperti Ah Long. Situasi kalut ini akan mengundang perbalahan yang berpanjangan dan akhirnya membawa kepada perceraian.

5. Tiada Persefahaman dan pengabaian nafkah

Bagi Wan Murni Wan Mokhtar (2018), Dalam kajian Analisis punca perceraian dikalangan remaja di sekitar Kota Bharu dari tahun 2010 hingga 2014, mendapati 5 punca utama yang menyumbang kepada perceraian di kalangan pasangan muda yang berumur sekitar 16 hingga 30 tahun. Tiada persefahaman menjadi faktor pertama yang membawa kepada perceraian. Persefahaman yang dimaksudkan ialah mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan perbezaan personaliti antara mereka. Sama ada dari segi gaya komunikasi, selera makan, tabiat dalam pengurusan sendiri dan sebagainya. Perbezaan ini tidak dapat diharmonikan dan dihadapi dengan fikiran yang matang.

Faktor kedua ialah suami tidak bertanggungjawab dan tidak memberi nafkah yang secukupnya kepada isteri dan anak-anak. Pengabaian nafkah ini hampir menjadi penemuan utama dalam kajian mengenai punca perceraian. Penyebab ketiga ialah suami terlibat dengan penagihan dadah, pemabuk dan kaki judi. Pakej ibu segala kejahatan menyebabkan seorang suami bersifat pemalas, panas baran, mencuri dan sebagainya.

Selain itu, faktor suami mempunyai kekasih gelap dan berpoligami yang tidak adil turut menyumbang kepada peningkatan kes cerai di kalangan pasangan muda. Terdapat juga kes kecurangan yang dilakukan oleh pihak isteri yang menyebabkan hubungan menjadi retak. Faktor terakhir yang disenaraikan ialah campur tangan pihak keluarga dan pihak-pihak lain dalam urusan dalaman rumahtangga. Apa yang ingin ditekankan disini ialah kebanyakan perceraian yang berlaku ini melibatkan pasangan muda yang baharu mengharungi hidup berumahtangga dalam tempoh lima tahun pertama perkahwinan.

Rumusan Literatur

Berdasarkan analisis ini, penulisan ini mendapati bahawa isu perceraian pada fasa awal perkahwinan ini merupakan satu fenomena yang tidak sihat. Jika tidak dibendung sudah pasti akan merencatkan proses pembinaan institusi keluarga di negara ini. Antara isu utama yang

menjadi punca kepada perceraian awal perkahwinan ini ialah suami yang tidak menjalankan tanggungjawab dengan baik, penderaan kepada isteri dan anak-anak, masalah komunikasi, isteri yang tidak taat dan sebagainya.

Selain faktor tersebut, pasangan juga dilihat gagal mengawal emosi dengan baik ketika berhadapan dengan krisis rumahtangga. Kegagalan mengawal emosi menyebabkan suami terutamanya akan baran dan berlaku sumpah maki sehingga membawa kepada penderaan. Penderaan yang berterusan akan menyebabkan hilang keharmonian hidup berumahtangga dan membawa kepada perceraian. Begitu juga dengan tekanan hidup yang berpunca dari kesempitan kewangan. Masalah ini sangat mengganggu pasangan dan perkembangan tumbesaran anak-anak.

Pasangan yang curang dan hasutan pihak ketiga juga menjadi mimpi ngeri dalam hubungan suami isteri. Curang yang berlaku dari pelbagai sebab kerana kelemahan kawalan sendiri. Begitu juga dengan hasutan pihak ketiga yang tidak suka melihat pasangan hidup dengan harmoni. Selain itu, pasangan yang berlebihan melayan media sosial juga menjadi penyebab kepada keretakan hubungan suami isteri. Penggunaan tanpa kawalan yang wajar telah menjejaskan masa berharga yang sepatutnya dimanfaatkan bersama pasangan.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, gejala perceraian pada fasa awal perkahwinan ini perlu dibendung dari terus merebak dan menjadi pandemik dalam masyarakat. Segala punca perlu disekat dan diminimalkan. Semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai bahaya fenomena ini. Pihak berwajib perlu lebih agresif dengan mengambil pelbagai langkah proaktif untuk membina rumahtangga yang bahagia. Ini kerana, apabila struktur keluarga ini telah bobrok diperingkat awal, sudah pasti akan menjejaskan pembangunan modal insan negara. Kerana wajah generasi hari ini adalah wajah negara pada masa hadapan.

Rujukan

- Abe Sohpiian Abd Rahman, Zuliza Mohd Kusrin, Anwar Fakhri Omar. (2014). Faktor Perceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010. *Islamiyyat*, 30(1), 5–20).
- Hellodoctor.com. kesihatan mental
<https://womenshealthmag.com/relationships>
<https://womenshealthmag.com/relationships>
<https://www.freemalaysiatoday.com>.
- Maisaroh 2018. Jurang Sosial Mempengaruhi Penceraian dalam Kalangan Etnik Melayu : *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1), hlm. 1–8)
- Mohamad, R. E., Baharuddin, E., Razali, N. B., Jaafar, N. A., Filzahruz, N. & Sah, M. 2021. Punca Penceraian Pasangan Dewasa Islam : Perspektif Badan Pelaksana. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. 371.
- Nur Azzah Ab Rahim dan Abu Yazid Abu Bakar. 2018. Faktor-faktor Perceraian Dalam

- Kalangan Pasangan Dewasa Awal di Bawah Usia Perkahwinan Lima Tahun. *Prosiding Seminar Kepelbagaian Budaya 2018*.
- Shafiqah Iqlima bt. Mohd Nadzri. Polemik Perceraian di Malaysia. *Perspektif* 24 Januari 2020. Hlm. 2-3
- Siti Marziah Zakaria, Salina Nen, Abd Rahman Ahmad Badayai dan Nor Hazila Mat Lazim. 2018. Kualiti Perkahwinan Pada Fasa Pertama Perkahwinan (1-10 tahun): Pengaruh Gaya Komunikasi dan Penyesuaian Hidup. *Jurnal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 16.No.7. ISSN: 1823-884x. Bangi. Hlm. 1–11.
- Syed Yassin, S. N. N. & Alma'amun, S. 2018. Pengurusan Kewangan Keluarga dan Kursus Pra Perkahwinan Muslim di Malaysia. International Reseach Management & Innovation Conference 2018 (August)
- Wan Murni Wan Mokhtar, A. F. bin O. 2018. Analisis Punca Perceraian Dalam Kalangan Remaja: Kajian Kes di Kota Bharu 2010-2014 6(2): 2010–2015. *Fikiran Masyarakat* Vol.6, no.2 tahun 2018.
- Wijaya, E., Kurniawan, M. & Wibowo, B. 2022. ALUMNI Santri Pondok Pasentren Dalam Mewujudkan Keluarga Sakinah 18(2): Hlm. 130.